



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### WARGA CHERAS SERTAI KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN & SESI GOTONG ROYONG

**KUALA LUMPUR, 21 Februari 2016** – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Parlimen Cheras yang diadakan di Dataran Seri Alam Fasa 2, Blok 9 PPR Seri Alam 2, Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur dihadiri kira-kira 3000 orang warga Cheras, Kuala Lumpur. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara komuniti khususnya di kawasan Cheras selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong kebersihan. Selain itu, menerusi Kenduri (1WP) ini juga turut menjadi medium bagi memperkuuhkan persefahaman, perpaduan dan ukhuwah sesama warga Wilayah Persekutuan khususnya bagi komuniti Cheras, Kuala Lumpur.

3. Kawasan Kenduri 1WP di Dataran Seri Alam Fasa 2, Blok 9 PPR Seri Alam 2, Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur merupakan tempat yang strategik kerana berdekatan dengan pusat bandar dan kawasan perumahan yang memudahkan orang ramai untuk datang bersama-sama memeriahkan Kenduri 1WP. Pelbagai aktiviti turut dijalankan sepanjang program berlangsung seperti gotong-royong kebersihan, senamrobik, pertandingan melukis kanak-kanak, pertandingan futsal, bola jaring, gubahan, gerai pameran agensi kerajaan dan klinik pemeriksaan, persembahan pentas

dan juga gotong-royong memasak juadah kenduri oleh warga Cheras. Melalui konsep gotong-royong yang diterapkan dalam program Kenduri 1WP ini, warga Wilayah Persekutuan berpeluang untuk merasai kemeriahana suasana kenduri sambil menjamu selera dengan juadah yang dimasak secara beramai-ramai. Malahan konsep gotong-royong ini juga dapat memeriahkan dan menceriakan lagi warga kota khususnya di Cheras. Dengan amalan ini, ianya bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa tetapi mengeratkan perpaduan sesama masyarakat setempat.

4. Bersempena dengan program Kenduri 1Wilayah Persekutuan turut diadakan aktiviti Gotong-Royong Kebersihan dan Cegah Denggi bertemakan “Bebas Denggi Masyarakat Ceria” bersama komuniti Cheras. Ini bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat akan bahaya ancaman penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes dan merupakan salah satu daripada pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) dalam mengabungkan program-program yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan terutama diperingkat Kementerian dengan program-program yang dilaksanakan oleh NGO dan badan-badan korporat.
5. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Parlimen Cheras, Kuala Lumpur dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria. Selain itu program ini juga dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah Persekutuan terus dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
21 Februari 2016